

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KRITERIA/SYARAT PENGECCUALIAN UNIT KREDIT PELAJAR LEPASAN DIPLOMA

| No | Kriteria |
|-----------|---|
| 1 | Pengeccualian unit hanya boleh diberikan kepada kursus-kursus yang diperolehi di peringkat diploma sahaja |
| 2 | Kursus-kursus yang dipohon untuk pengeccualian unit boleh digabungkan (meliputi dua atau lebih) bagi mendapatkan pengeccualian unit untuk satu kursus di peringkat ijazah. Walau bagaimanapun, sekiranya Pusat Pengajian ingin memperakukan satu kursus sahaja di peringkat diploma bagi mendapatkan pengeccualian unit satu kursus di peringkat ijazah, kursus di peringkat diploma berkenaan masih mestilah yang setara dengan kursus Universiti dan mempunyai unit yang sama atau lebih. |
| 3 | Kursus –kursus yang telah diikuti semasa bekerja (dalam perkhidmatan) oleh pelajar lepasan diploma tidak boleh dipertimbangkan untuk pengeccualian unit. |
| 4 | Jumlah Pengeccualian semester tidak melebihi dua semester* tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pengeccualian Unit PPKEE. |
| 5 | Jumlah maksimum pengeccualian unit yang dibenarkan tidak melebihi 1/3 daripada jumlah keperluan unit bagi pengijazahan |
| 6 | Tiada pengeccualian untuk Latihan Industri kerana skop kerja semasa pengajian Diploma adalah juruteknik atau teknologis, manakala skop kerja semasa pengajian Ijazah Sarjana Muda adalah jurutera. (Ini adalah untuk memenuhi syarat pengijazahan daripada EAC) |
| 7 | Hanya kursus peringkat 100 dan 200 sahaja yang layak dipertimbangkan |
| 8 | Pencapaian minimum dalam peperiksaan bagi kursus-kursus di peringkat diploma yang boleh dipertimbangkan pengeccualian unit adalah sekurang-kurangnya <u>gred B atau 3.0</u> atau setara. |
| 9 | Kursus-kursus yang telah diikuti di IPT terdahulu adalah setara (sekurang-kurangnya 80% kandungan kursus adalah sama) dengan kursus-kursus yang ditawarkan di USM. |

*Jumlah pengeccualian semester

| | | | |
|--------------------------------------|----------------|--------|--|
| Jumlah unit dikeccualikan | 8 dan ke bawah | 9 – 32 | 33 hingga 1/3 dari jumlah unit berijazah |
| Jumlah semester dikeccualikan | 0 | 1 | 2 |

Prosedur Operasi Piawai untuk Pengecualian Unit

1. Dekan melantik Jawatankuasa Pengecualian Unit di peringkat pusat pengajian.
2. Pelajar mengisi Borang Pengecualian Unit selewat-lewatnya minggu kedua dari tarikh mendaftar sebagai pelajar USM. Borang permohonan yang lengkap berserta transkrip lengkap keputusan peperiksaan dan silibus di peringkat diploma perlu dihantar ke pusat pengajian untuk kelulusan.
3. Perakuan dari Dekan PPKEE hasil saranan dan keputusan Jawatankuasa Pengecualian Unit PPKEE
4. Permohonan dihantar ke Timbalan Pendaftar Kanan (Pengurusan Akademik) melalui Seksyen Peperiksaan & Pengijazahan Pelajar, Jabatan Pendaftar untuk kelulusan.

